

# PERLUAS PENGERTIAN WAKAF

Mahasiswa salur tenaga, ilmu dalam Ziarah Sahur IPT

05 Julai 2016 4:00 PM

Utusan Malaysia





**MASYARAKAT** sering menggambarkan wakaf hanya melibatkan harta benda seperti tanah dan wang ringgit. Bagaimanapun, hakikatnya pengertian wakaf adalah lebih luas dan merangkumi pelbagai aspek asalkan niat serta tujuannya adalah untuk memberi manfaat kepada orang yang berhak.

Amalan wakaf bukan hanya terhad kepada harta malah dengan menyalurkan tenaga dan ilmu juga secara tidak langsung boleh menjadi antara perkara yang boleh ditakrifkan sebagai wakaf.

Presiden Pertubuhan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (Manis), **Anwar Muttaqin** berkata, konsep wakaf tenaga, ilmu dan masa perlu diterapkan dalam kalangan anak muda terutama mahasiswa melalui penglibatan dalam aktiviti sukarela membantu golongan sasaran.

Jelasnya, wakaf dengan cara sedemikian tidak memerlukan mereka mengeluarkan wang atau harta benda sebagaimana kefahaman biasa berkaitan wakaf selama ini.

Menurut beliau, sebagai contoh, konsep wakaf seumpama itu telah ditunjukkan oleh mahasiswa yang menyertai program Ziarah Sahur Institusi Pengajian Tinggi (IPT) anjuran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Utusan Malaysia dan Manis baru-baru ini.

Dalam program itu, katanya, seramai 80 mahasiswa terlibat dalam pengagihan lebih 2,000 bungkus makanan untuk bersahur di beberapa IPT sekitar Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau dan Nilai.

IPT yang menerima sumbangan makanan itu ialah Universiti Sains Islam Malaysia, UiTM Cawangan Seremban dan Kuala Pilah, Politeknik Port Dickson, Politeknik Nilai, Kolej Uniti, Kolej Negeri, Institut Latihan Perindustrian Pedas, Institut Kemahiran Belia Negara Chembong dan Kolej Yayasan.

Konvoi ziarah itu dilepaskan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan. Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad; dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hasan.

Tambah Anwar, wakaf ilmu itu bermaksud para sukarelawan dengan segala maklumat atau pengetahuan di universiti masing-masing berkongsi ilmu itu dengan rakan-rakan dan juga anak-anak yatim yang menerima sumbangan dalam program tersebut.

“Mereka juga memperuntuk tenaga dan masa secara ikhlas bagi menjayakan program yang bermanfaat itu. Bukan mudah untuk berjaga dan keluar mengagihkan bantuan pada lewat pagi ketika kebanyakan orang sedang nyenyak tidur,” katanya.

Menurutnya, melalui konsep wakaf tersebut, manfaat daripada program berkenaan boleh dinikmati oleh khalayak secara meluas dan kesannya bukan sahaja dialami individu semata-mata.

“Ia juga akan membawa kepada timbulnya perasaan kasih sayang sesama manusia, sikap suka membantu dan prihatin terhadap masyarakat yang memerlukan. Malah banyak lagi nilai-nilai murni akan menjelma dalam diri,” ujarinya.

Katanya, program seumpama itu bertepatan dengan saranan dan harapan kerajaan negeri untuk mempromosikan konsep wakaf secara holistik di Negeri Sembilan.

Beliau mengakui, masih ramai yang belum memahami secara mendalam konsep wakaf seumpama itu namun berharap persepsi masyarakat akan berubah sekali gus lebih ramai yang tampil membuat kerja amal dan sukarela pada masa akan datang.

“Kalau kefahaman mengenainya sudah meluas sudah tentu ramai yang tidak keberatan untuk melakukan perkara yang bermanfaat demi kebaikan masyarakat,” katanya.

### **TERUJA DIBERIKAN PELUANG**

Sementara itu, seorang peserta program, **Ajanatul Ajilah Mohd. Said**, 23, melahirkan rasa teruja apabila dapat mengikuti proram Ziarah Sahur IPT kali kedua itu.

“Apa yang membuat saya ingin mengikuti program ini adalah untuk berbakti kepada golongan yang kurang bernasib baik. Dalam masa yang sama, saya ingin rebut peluang untuk mengambil keberkatan bulan Ramadan untuk bersahur bersama anak-anak yatim,” katanya.

Bagi **Siti Nur Rafna Shamsudin**, 23, berkata, program tersebut adalah permulaan bagi mendidik mahasiswa-mahasiswa berjiwa masyarakat dan memahami konsep wakaf yang lebih menyeluruh.

“Saya amat bertuah dapat mengikuti program kemasyarakatan ini lebih-lebih lagi dapat berkenalan dengan sahabat mahasiswa dari negeri yang sama. Saya juga beruntung kerana dapat menyumbang khidmat kepada masyarakat di negeri sendiri,” ujar mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia itu.

Mahasiswa dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Shamalaruban Suppiah**, 25, memberitahu, pengalaman kali kedua mengikuti program ini mengajar hidup bermasyarakat tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

“Peluang mendekati masyarakat, terutamanya golongan bernasib baik kurang dilakukan pada hari biasa. Jadi, dengan adanya peluang program sebegini saya menawarkan diri untuk mengikuti aktiviti ini dan banyak kebaikan antaranya mengenali masyarakat setempat,” jelasnya.

“Selain itu, bagi saya keseronokan mengikuti program ini adalah semasa bersahur. Kebanyakan program adalah berbuka puasa tapi jarang sekali saya mengikuti program yang dilakukan pada pukul 4 pagi,” katanya.